

**Pembangkang Tampil Tema Hari Kemerdekaan Berlainan Hanya Permainan Politik Bernama
9 Ogos, 2012**

PETALING JAYA, 9 Ogos (Bernama) -- Cadangan parti pembangkang untuk tampil dengan tema Hari Kemerdekaan mereka sendiri merupakan satu permainan politik untuk memperlekehkan kerajaan pusat, kata Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Maglin Dennis D'Cruz.

Beliau berkata pemimpin parti pembangkang tidak bersetuju dengan tema "Janji Ditepati" kerana mereka tidak dapat menepati janji yang ditaburkan kepada rakyat sebelum ini.

"Apabila mereka dengar sahaja 'Janji ditepati', mereka rasa malu sebab mereka hanya boleh 'janji' dan tidak dapat menunaikannya, inilah masalah mereka, inilah yang menyebabkan mereka mahu menggunakan tema mereka tersendiri," katanya kepada pemberita selepas melancarkan 'MPHonline and Samsung eBook Application' di Subang Jaya dekat sini Khamis.

"Janji Ditepati ialah untuk kami ahli politik, kami berkata atau berjanji sesuatu yang kami perlu lakukan untuk rakyat. Ia merupakan satu kesedaran. Satu peringatan daripada PM (Perdana Menteri) untuk kami berkhidmat dengan lebih baik," katanya ketika diminta mengulas tindakan negeri-negeri tadbiran pembangkang yang menggunakan tiga tema berlainan bagi sambutan Hari Kemerdekaan ke-55 tahun ini.

Selasa lepas, pakatan pembangkang mengumumkan kerajaan negeri Kedah akan menggunakan "Terus Berbakti", Kelantan "Menerajui Perubahan" manakala Pulau Pinang dan Selangor "Sebangsa, Senegara, Sejiwa" sebagai tema Hari Kemerdekaan berbanding tema kerajaan Persekutuan "55 Tahun Merdeka, Janji Ditepati".

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687032>

